

FAST TRACK DUA TAHUN MAMPU PERCEPAT BINA PROJEK AWAM



Oleh **HENDRA WINARNO**
hendra.winarno@mediamulia.com.my

KERAJAAN berhasrat melaksanakan pendekatan Fast Track (jalur pantas) bagi memastikan projek pembangunan awam dapat disiapkan dalam tempoh dua tahun berbanding kaedah sedia ada yang lazimnya mengambil masa sehingga empat tahun.

Pendekatan itu dilihat mampu mempercepat rangsangan ekonomi selain membolehkan rakyat menikmati manfaat peruntukan pembangunan dengan lebih cepat.

Bagaimanapun, realiti pelaksanaan projek awam menunjukkan masih terdapat cabaran yang perlu ditangani.

Pemantauan terkini Kementerian Kerja Raya (KKR) menunjukkan 855 projek berada dalam pembinaan dengan 255 projek (29.8 peratus) pada tahap awal jadual, 273 projek (31.9 peratus) mengikut jadual, manakala 289 projek (33.8 peratus) lewat jadual dan 35 projek (4.1 peratus) dikategorikan sebagai projek sakit.

Statistik tersebut menggambarkan hampir satu pertiga projek berada dalam kategori lewat jadual, sekali gus menimbulkan

"PENDEKATAN FAST TRACK ITU MAMPU DILAKSANAKAN APABILA PENGGUNAAN TEKNOLOGI PEMBINAAN MODEN, TERUTAMA SISTEM PRA-CETAK MODULAR (MPS) DIBERI PENEKANAN."

persoalan sama ada adakah sasaran itu mampu dicapai tanpa menjejaskan kualiti projek.

Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Dr. Ahmad Maslan berkata, pendekatan Fast Track itu mampu dilaksanakan apabila penggunaan teknologi pembinaan moden, terutama Sistem Pra-Cetak Modular (MPS) diberi penekanan.

"Sistem MPS, iaitu sistem ala Lego membolehkan komponen bangunan dipasang dengan cepat. Di China, syarikat Broad Corporation pernah membina bangunan 10 tingkat dalam tempoh 28 jam 45 minit dan bangunan 57 tingkat dalam 19 hari

menggunakan sistem ini.

"Namun, sistem MPS masih pada peringkat awal pelaksanaan di negara ini. Jadi, saya berharap sistem ini dapat menjadi trend baharu dalam industri pembinaan negara bagi mempercepatkan pelaksanaan projek," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Bagaimanapun, beliau berkata, Malaysia telah lama menggunakan pendekatan teknologi pembinaan moden seperti Sistem Pembinaan Berindustri (IBS) dan Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM).